

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MENGISLAMKAN SAUDARA-SAUDARA BARU DI SRI TAMAN, KUALA LUMPUR PADA 11HB FEBRUARI, 1974

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur dan gembira kerana dapat menjadi tuan rumah pada petang ini dalam upacara pengislaman saudara-saudara baharu kita. Peristiwa ini sungguh besar ertinya kerana inilah kali pertama semenjak Wilayah Persekutuan ditubuhkan suatu Jemaah yang begitu ramai daripada saudara-saudara baharu kita memeluk agama Islam yang maha suci. Bahkan inilah khidmat bakti yang sulung dianjurkan serta dikelolakan oleh Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan.

Saya sukacita mendapat sokongan dan kerjasama dari semua pihak khasnya saudara-saudara yang hadir sama dalam Majlis ini yang giat menjalankan dakwah Islam dalam pertubuhan-pertubuhan dakwah seperti PERKIM, Jamiyah Dakwah Islamiyah, Badan Dakwah Al-Rahmaniah dan pusat-pusat pengajian tinggi di sekitar Kuala Lumpur ini.

Kepada saudara-saudara baharu kita sukalah saya menasihatkan bahawa sebagai umat Islam, saudara-saudara hendaklah berpegang kuat kepada ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunah-sunah Nabi Muhammad s.a.w. Ini adalah jalan yang benar bagi umat manusia untuk kebahagiaannya di dunia dan akhirat.

Allah s.w.t. telah berfirman dalam Ayat 28, Surah Saba', "Kami tiada mengutus engkau (ya Muhammad), melainkan kepada se-kalian manusia, untuk memberi khabar suka dan memberi khabar takut, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahuinya".

Marilah kita berdoa kepada Allah s.w.t. semoga saudara-saudara baru kita menjadi orang-orang Islam yang beriman dan beramal salih. Mudah-mudahan kita yang ikhlas ini diberkati oleh Allah s.w.t. dan mendapat kejayaan yang cemerlang pada masa yang akan datang.

Sekianlah saja dan saya akhiri dengan doa kesyukuran. Walhamdu lillahi rabil alamin. Wasalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.